

13/02/1999

Negara G15 sepakat di Jamaica

Azizi Othman in Montego Bay (Jamaica)

MONTEGO BAY (Jamaica), Jumaat - Semua anggota Negara Kumpulan 15 (G15) mempunyai tahap penyatuan pendapat yang lebih tinggi, terutama dalam usaha menyokong perjuangan negara membangun.

Jika sebelum ini, tahap persefahaman dan komitmen 17 negara anggota G15 sering dipertikaikan, ia kini berubah dengan setiap negara mula menunjukkan daya usaha memastikan masa depan mereka lebih cerah.

"Boleh dikatakan, mesyuarat (ketua kerajaan G15) di Jamaica ini adalah titik perubahan daripada segi pendirian negara yang mengambil bahagian," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berpendapat demikian kerana mesyuarat kali ini mencetuskan lebih banyak kesepakatan di kalangan ahli G15 yang semakin peka terhadap isu membabitkan kepentingan bersama.

Bercakap kepada pemberita di sini, hari ini, Dr Mahathir yang disifatkan antara tonggak G15 dengan jelas membayangkan badan itu kini mempunyai pendirian lebih tegas dalam perjuangannya.

"Dulu kita tiada masalah dan sering berfikir bagaimana membangunkan kerjasama Selatan-Selatan. Bagaimanapun kini, semua prihatin mengenai krisis (ekonomi) yang mungkin atau sudah menyerang kita (G15)," katanya.

Dr Mahathir tiba di sini Selasa lalu untuk bersama lapan ketua negara dan tiga timbalan ketua negara G15 menghadiri sidang kemuncak ke-9 pertubuhan itu yang bermula semalam dan berakhir esok.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang tengah hari esok. Beliau dijangka singgah sehari di Paris untuk bertemu Presiden Jacques Chirac dan Amman untuk mengunjungi Raja Jordan yang baru, Raja Abdullah.

Membayangkan seolah-olah krisis ekonomi yang melanda negara membangun mempunyai hikmat tersendiri, Dr Mahathir berkata: "Itulah sebabnya kita kini lebih sepakat untuk bekerjasama melindungi diri".

Menurutnya, antara perubahan ketara G15 ialah ia kini menyatakan keinginan bekerjasama menangani masalah dan hasrat untuk lebih memperkenalkan G15 kepada dunia.

Dalam usaha memastikan pengaruhnya semakin kuat berhubung apa juga isu membabitkan negara membangun, Perdana Menteri berkata: "G15 juga akan berusaha supaya suaranya didengar pihak G8 (kumpulan negara maju)".

Tumpuan G15 juga kini semakin spesifik termasuk dalam isu perdagangan termasuk Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) kerana sedar "ia tidak boleh diterima bulat-bulat.

"Berbeza dengan keadaan dulu, kita kini sudah mula mendengar G15 menyuarakan kekhuatiran globalisasi ini akan merugikan banyak negara membangun," katanya.

Pada masa sama kata Dr Mahathir, pendirian anggota G15 dari Amerika Selatan yang sebelum ini kelihatan masih memandang ke Utara juga sudah berubah kepada lebih tegas.

Menurutnya, penyatuan pendapat di kalangan G15 itu terbukti dengan kehadiran lebih ramai ketua kerajaan negara anggota dalam sidang kemuncak kali ini dan saranan supaya mesyuarat lebih kerap diadakan pada masa depan.

Ditanya kurangnya suara lantang negara lain dalam G15, Dr Mahathir berkata, mereka tetap menyambut baik pendirian tegas Malaysia tetapi mungkin tidak mampu berbuat seperti itu atas sebab tertentu.

Sebagai antara tokoh paling gigih memperjuangkan kredibiliti G15, perkembangan itu boleh disifatkan antara pencapaian peribadi Dr Mahathir,

terutama melihat reaksi delegasi ketika beliau menyampaikan ucapan pada perasmian sidang kemuncak, semalam.

(END)